

12 DEC 2002

Abdullah-Rogol

KABINET BELUM PUTUSKAN CADANGAN HUKUM MATI PEROGOL KANAK-KANAK

PUTRAJAYA, 18 Dis (Bernama) -- Kabinet belum membuat sebarang keputusan untuk mengenakan hukuman mati terhadap perogol kanak-kanak, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata hari ini.

"Ini adalah hal berkaitan dengan undang-undang. Datuk (Seri) Rais Yatim (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) masih bercuti, dia yang akan bawa (perkara ini) kepada Kabinet," katanya kepada pemberita selepas jamuan Hari Raya Kementerian Dalam Negeri di sini hari ini. Majlis itu turut dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sebahagian besar anggota Kabinet.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata masih terdapat masa untuk "kita berfikir dan memberi pandangan" mengenai perkara itu.

Beliau berkata kerajaan menerima banyak surat daripada rakyat yang memberi pendapat bahawa hukuman gantung sampai mati kepada perogol kanak-kanak adalah terlalu berat.

"Ada pandangan yang mengatakan sekiranya ini yang jadi hukuman yang akan dikenakan (terhadap perogol kanak-kanak), kita tidak akan dapat kerjasama daripada mangsa ataupun maklumat, terutama apabila yang dituduh itu adalah ahli keluarga dan orang yang menyara keluarga itu," kata Abdullah.

Katanya jika pandangan itu diambil kira, kerajaan "mungkin memikirkan apakah hukuman lain yang perlu dikenakan bagi mereka yang sabit kesalahan."

"Ada lagi aspek lain berkaitan dengan kes ini yang perlu dihalusi sebelum kita buat keputusan yang tetap mengenainya," katanya.

Ditanya mengenai penangkapan dua orang pekerja syarikat swasta mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri semalam kerana menyebarkan berita palsu menerusi e-mel tentang rancangan serangan bom di beberapa tempat tumpuan ramai di sekitar ibu negara, Abdullah berkata tindakan itu diambil mengikut peraturan biasa.

"Kita menghadapi pada masa ini pelbagai cabaran dan tekanan, dan (apabila) ada pula pandangan, andaian bahawa negara kita berada dalam kelam-kabut, semua ini perlu diambil kira (disiasat).

"Dan tindakan yang diambil mestilah yang berkait dengan kepentingan negara dan kepentingan rakyat dan bukan kepentingan politik mana-mana pihak," katanya.

Semalam dua rakan sekerja, seorang lelaki berusia 40 tahun dan wanita berusia 22 tahun, diberkas di pejabat mereka oleh anggota Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, kerana disyaki menyebarkan berita itu pada 13 Dis lepas.

-- BERNAMA

SR AZH MAI